

MEDIA STATEMENT

For Immediate Release

IDEAS: Proposed Government Procurement Bill Falls Short of Safeguards Needed to Protect Public Funds

Kuala Lumpur, 27 August 2025: The Institute for Democracy and Economic Affairs (IDEAS) expresses serious concern that the Government Procurement Bill 2025 falls short of what is needed to ensure fair, transparent, and accountable use of public funds.

While we welcome the move to legislate procurement practices after years of relying on administrative circulars, the bill contains serious gaps. It falls short of the standards of transparency and oversight that are expected from international standards such as those set by the United Nations Commission on International Trade Law (UNCITRAL).

One key concern is the wide discretion granted to ministers. Section 2(2) allows the finance minister or chief ministers of states to exempt “one-off allocations” to government-linked companies and statutory bodies from the bill entirely. “Considering that major infrastructure projects often utilise GLCs, particularly at state level, this is a serious loophole,” said Alissa Rode, senior research manager at IDEAS.

Furthermore, the Minister of Finance is allowed to determine procurement methods besides competitive procurement (Section 28(2)), which is no different from the existing system that is susceptible to ministerial override. The Minister also is the ultimate decision-maker if the procurement board doesn’t reach a unanimous decision (Section 12(8)). The sole approval authority for decisions valued above RM50 million is the Minister of Finance or Chief Ministers, for states. While the minister is required to receive the recommendation of the procurement board, he may also “make a different decision as he thinks fit” (Section 13(3)). “These provisions politicise procurement and leave critical spending decisions vulnerable to abuse, since the bill legalises existing poor practice,” said Alissa.

Transparency is another critical gap in the bill. Small upsides include making the Appeal Tribunal an open proceeding, so that the public may see how objections to procurement are handled. However, there aren’t mandatory measures for transparency to enforce the universal publication of all government tenders. “The absence of mandatory transparency requirements weakens the foundation of the bill. With billions in public funds at stake, the law should require all tenders, award decisions and contract changes to be published,” said Alissa..

IDEAS also expresses concern that the bill names the Ministry of Finance as the investigative power and compliance monitor for procurement, when it is also the administrative leader and supervisor of procurement policy generally. In other country models, the oversight and investigations are assigned to independent entities that do not handle procurement. This would ideally be a future ombudsman’s office, or the auditor general.

"Malaysia must not only adopt the form of international procurement standards, but also their substance, by ensuring narrow criteria for departing from competitive procurement, and independent oversight. Without serious amendments to the bill, similar failures in procurement can continue to happen," said Alissa.

"The bill risks legitimising the same flawed practices that led to scandals like the Littoral Combat Ship (LCS), the Sabah Water Department, Scorpene, and PKFZ. Malaysia deserves a procurement law that upholds clean governance, ensures value for money, and strengthens public confidence. Therefore, we urge the government to refer the bill to the Parliamentary Select Committee on Finance and Economy for further review. The review process should also include consultations with civil society organisations (CSOs) to ensure the bill reflects best practices and public interest. This is not the first time that bills of significant public interest are tabled without adequate time for meaningful inputs from CSOs and experts in the field. Stakeholder engagements on general principles are insufficient – it is the final drafted law that requires time for scrutiny and feedback. Beyond just this bill, there needs to be significant improvements in the entire process of lawmaking in Malaysia for the benefit of all Malaysians," said Aira Azhari, CEO of IDEAS.

[ENDS]

For enquiries, please contact:

Ryan Panicker

Assistant Manager, Advocacy and Events

ryannesh@ideas.org.my

About IDEAS

The Institute for Democracy and Economic Affairs (IDEAS) is a nonprofit research institute, dedicated to promoting solutions to public policy challenges, focussing on three overarching missions – advancing a competitive economy, ensuring trust in institutions and promoting an inclusive Malaysia. IDEAS is Malaysia's first independent think tank, free of personal interests and partisan influences.

For more information,

visit www.ideas.org.my

KENYATAAN MEDIA

Untuk Siaran Segera

IDEAS: Cadangan Rang Undang-Undang Perolehan Kerajaan Tidak Memadai untuk Melindungi Peruntukan Awam

Kuala Lumpur, 27 Ogos 2025: Institut Demokrasi dan Hal Ehwal Ekonomi (IDEAS) menzahirkan kerisauan terhadap Rang Undang-Undang (RUU) Perolehan Kerajaan 2025 yang dicadangkan baru-baru ini atas sebab pendekatan yang kurang lengkap bagi membolehkan peruntukan awam digunakan secara adil, telus dan bertanggungjawab.

Walaupun kami mengalu-alukan tindakan untuk menggubal proses perolehan susulan kerbergantungan terhadap surat pekeliling pentadbiran pada tahun-tahun sebelumnya, perundangan ini masih terdapat jurang yang serius. Ia tidak memenuhi piawaian ketelusan dan pemantauan seperti yang digariskan di dalam *United Nations Commission on International Trade Law (UNCITRAL)*.

Salah satu keimbangan utama adalah kuasa budi bicara yang diberikan kepada menteri. Seksyen 2 (2) memberikan pengecualian sepenuhnya kepada menteri kewangan dalam perihal “peruntukan *one-off*” kepada Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) dan badan-badan berkanun. “Memandangkan projek infrastruktur utama sering menggunakan Syarikat Berkaitan Kerajaan, terutamanya di peringkat negeri, ini merupakan satu kelompongan yang serius,” kata Alissa Rode, pengurus kanan penyelidikan di IDEAS.

Menteri Kewangan juga dibenarkan untuk menentukan kaedah perolehan selain daripada perolehan berdaya saing (Seksyen 28 (2)). Seksyen ini tidak berbeza dengan sistem sedia ada yang terbuka kepada pengaruh menteri. Ini juga bermaksud menteri mempunyai kuasa mutlak dalam membuat keputusan jika badan perolehan tidak dapat membuat keputusan sebulat suara (Seksyen 12(8)).

Pihak berkuasa tunggal dalam membuat keputusan perolehan berjumlah RM50 juta dan selanjutnya adalah Menteri Kewangan atau Ketua Menteri untuk peringkat negeri. Walaupun menteri harus mengambil saranan daripada badan perolehan, beliau juga dibenarkan untuk “membuat keputusan yang sesuai berdasarkan budi bicara” (Seksyen 13(3)). “Perundangan ini mempolitikkan proses perolehan dan meningkatkan risiko salahguna kuasa dalam memutuskan sebarang perbelanjaan kritikal, memandangkan RUU ini membentarkan kelemahan yang sedia ada,” menurut Alissa.

Satu lagi jurang kritikal yang terdapat dalam akta ini ialah faktor ketelusan. Terdapat juga faedah-faedah sampingan termasuk membuka prosiding Tribunal Rayuan kepada orang awam untuk melihat proses pengendalian perolehan kerajaan. "Ketiadaan proses ketelusan yang wajib melemahkan asas perancangan RUU ini. Apabila peruntukan awam yang berbilion diatasi sebarang risiko, undang-undang perlu mewajibkan penerbitan semua tender, keputusan penganugerahan serta perubahan kepada kontrak," menurut Alissa lagi.

IDEAS turut bimbang kerana RUU ini menamakan Kementerian Kewangan sebagai penguatkuasa siasatan untuk memantau perolehan sedangkan ia juga memainkan peranan sebagai ketua pengoperasian dan pengawal selia dasar perolehan secara asasnya. Jika dilihat daripada model negara-negara lain, peranan penyiasatan dan pemerhatian diberikan kepada badan-badan bebas yang tidak mengendalikan proses perolehan itu. Ini sepatutnya menjadi pejabat ombudsman masa depan atau Ketua Audit Negara.

"Malaysia bukan sahaja mesti mengaplikasikan bentuk piawaian perolehan antarabangsa, tetapi juga kandungannya, dengan memastikan kriteria yang tegas berbanding perolehan secara kompetitif serta pengawasan yang bebas. Tanpa pindaan serius terhadap RUU ini, kegagalan yang serupa dalam perolehan akan terus tercetus," kata Alissa.

"RUU ini berisiko mengekalkan kelemahan yang sama yang menyebabkan skandal seperti Littoral Combat Ship (LCS), Jabatan Air Sabah, Scorpene, dan PKFZ. Malaysia berhak mendapat undang-undang perolehan yang menegakkan tadbir urus bersih, menjamin nilai wang, dan mengukuhkan keyakinan orang awam. Oleh itu, kami menggesa kerajaan untuk merujuk RUU ini kepada Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen bagi Kewangan dan Ekonomi untuk semakan lanjut.

Proses semakan juga harus merangkumi libat urus dengan organisasi masyarakat civil (CSO) bagi memastikan RUU mencerminkan amalan terbaik dan kepentingan awam. Ini bukan kali pertama RUU berkepentingan awam dibentangkan tanpa masa yang mencukupi untuk input bermakna daripada CSO dan pakar dalam bidang tersebut. Libat urus bersama pemegang taruh mengenai dasar-dasar umum adalah tidak mencukupi. RUU yang telah lengkap didraf memerlukan masa untuk dikaji dan diberikan maklum balas. Selain RUU ini, perlu ada penambahbaikan ketara dalam keseluruhan proses penggubalan undang-undang di Malaysia demi manfaat semua rakyat Malaysia," kata Aira Azhari, Ketua Pegawai Eksekutif IDEAS.

TAMAT

Untuk pertanyaan, sila hubungi:

Ryan Panicker

Penolong Pengurus, Advokasi dan Program

ryannesh@ideas.org.my

Tentang IDEAS

Institut Demokrasi dan Hal Ehwal Ekonomi (IDEAS) merupakan sebuah institut penyelidikan bebas dan bukan berasaskan keuntungan. Fokus IDEAS ialah mempromosikan penyelesaian terhadap cabaran dasar awam yang bertumpu kepada tiga misi menyeluruh - memajukan sebuah ekonomi yang berdaya saing, memastikan keyakinan terhadap institusi, dan Malaysia sebagai negara yang merangkumi semua. Untuk maklumat lanjut, layari www.ideas.org.my